

Lima Senator Angkat Sumpah Pada Isnin
Bernama
9 April, 2012

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Lima orang mengangkat sumpah sebagai Senator di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang pada Isnin.

Empat daripadanya iaitu Datuk Raja Nong Chik Datuk Zainal Abidin, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Datuk Dr Awang Adek Hussin telah dilantik semula, dan mereka akan berkhidmat selama tiga tahun sementara seorang lagi ialah senator yang baru dilantik, Datuk Raja Ropiah Raja Abdullah.

Raja Ropiah, 63, yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya tahun 1973, merupakan Ketua Wanita Umno negeri Selangor dan Exco Wanita Umno Malaysia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657834>